



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	:	6
TARIKH	:	28/12/2019			
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gangguan bekalan air berulang

Selangor percaya ada unsur sabotaj, cuai

LUAS buka kertas siasatan heret pihak tak bertanggungjawab ke pengadilan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor percaya ada unsur sabotaj serta kecuai dalam insiden pencemaran bau di loji rawatan kumbahan di Bandar Bukit Mahkota, Bangi sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas, minggu lalu.

Justeru, bagi memastikan insiden itu tidak berulang, kerajaan negeri menegaskan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan membuka kertas siasatan untuk mengheret pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian, berkata sabotaj dilakukan pihak tidak bertanggungjawab dengan membuang sisa tercemar ke dalam lurang kumbahan Indah Water Konsortium (IWK).

"Kecuaian pula daripada pihak IWK yang tidak memantau loji mereka secara 24 jam sehari sehingga tidak sedar ada sisa kimia dalam kumbahan yang diproses.

"Akibatnya, pelepasan efluen

dari loji mereka yang berbau itu memasuki sungai dan menyebabkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Insiden pada 21 Disember lalu itu menyebabkan gangguan bekalan air kepada lebih 1.5 juta pengguna di sebahagian kawasan Hulu Langat, Sepang, Putrajaya, Petaling Jaya dan Kuala Langat, beberapa hari menjelang perayaan Hari Krismas, Rabu lalu.

Loy Sian berkata, berikutan insiden itu, kerajaan negeri dipersalahkan, malah rakyat juga berpendapat Kerajaan Selangor tidak serius dalam menangani masalah berkaitan air.

Justeru, katanya, pihak yang perlu bertanggungjawab adalah IWK serta Jabatan Alam Sekitar (JAS), yang mana kedua-dua entiti berkenaan berada bawah kerajaan Persekutuan.

"Apabila Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar mendesak kerajaan negeri dengan mengatakan penguatkuasaan kita lemah, saya tidak pasti apa maksud dia sedangkan yang bertanggungjawab adalah IWK dan JAS.

"JAS kena pastikan sisa industri itu dibuang ke tempat yang dikhaskan iaitu di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan dan hanya JAS yang boleh pantau bahan kimia, bukan kita.

"IWK pula perlu pastikan ada orang menjaga serta memantau loji 24 jam agar sekiranya ada sisa kimia, mereka boleh halang pe-

Keratan akhbar *BH* pada 23 Disember lalu.



Berikutan insiden itu, kerajaan negeri dipersalahkan, malah rakyat juga berpendapat Kerajaan Selangor tidak serius dalam menangani masalah berkaitan air.

Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, STI dan Hal Ehwal Pengguna Selangor

lepasan efluen ke sungai," katanya.

Beiau berkata, sudah lima kali insiden pencemaran seperti itu berlaku tahun ini yang memaksa LRA di Selangor dihenti tugas dan tiga daripadanya berpunca dari lurang kumbahan IWK.

Justeru, katanya, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari mencadangkan jika IWK tidak mampu untuk menjaga loji mereka, kerajaan negeri boleh mengambil alih kerana masalah air akan menyusahkan rakyat bukan saja di Selangor tetapi juga di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sambil menegaskan kerajaan Selangor tidak mahu lagi insiden berkenaan berulang, Loy Sian memaklumkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan membuka kertas siasatan untuk mendakwa pihak yang bertanggungjawab termasuk IWK.

Katanya, tiada toleransi daripada kerajaan negeri selepas ini dan jika IWK terbukti cuai, kerajaan Selangor akan mengambil tindakan saman.

Beliau juga memaklumkan sulan kejadian itu, IWK sudah menutup secara kekal 20 lurang kumbahan di sekitar lokasi pembuangan sisa berkenaan.

"IWK juga mengambil inisiatif memasang kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa tempat strategik yang menjadi laluan keluar masuk, manakala Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) akan memantau aktiviti keluar masuk ke kawasan berkenaan," katanya.

